

12/09/1999

Resolusi pastikan Bumiputera maju

ullah; Halmi Samad; Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR: Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) membuat ketetapan untuk menyusun semula agensi kerajaan, mengubah minda usahawan Bumiputera supaya lebih berilmu berasaskan pengetahuan ekonomi dan membina budaya yang sesuai bagi menghadapi alaf baru.

Agenda untuk Bumiputera menghadapi era selepas 2000 itu, lebih menitikberatkan perubahan paradigma supaya mereka tidak ditelan oleh proses globalisasi.

Ketetapan itu dilakukan supaya agensi kerajaan seperti badan amanah menjalankan fungsinya untuk disesuaikan dengan era maklumat menjelang globalisasi dan memperluaskan ketahanan diri usahawan Bumiputera selepas menerima tekanan kegawatan ekonomi.

Ini adalah tiga isu penting dibincang secara meluas dalam kongres itu yang kemudiannya dimasukkan ke dalam kira-kira 120 resolusi yang dihasilkan melalui tujuh bengkel.

Resolusi itu akan diserahkan kepada kerajaan untuk dilaksanakan selepas diperhalusi oleh sebuah jawatankuasa khas diketuai wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) yang menjadi penganjur KEB-4. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat awal bulan depan.

Kongres itu juga mahukan penubuhan mekanisme pembangunan teknologi Melayu, pengkalan peranan kerajaan, peningkatan bilangan penyertaan syarikat Melayu serta pemantapan keadilan sosial.

Ia juga mahukan pembabitan cergas Bumiputera dalam teknologi tinggi, penerapan nilai budaya dan agama ke arah membina insan Bumiputera berdaya saing dan menjadikan Islam dan budaya sebagai teras dalam memartabatkan bangsa bersesuaian dengan usaha menyediakan masyarakat Melayu untuk menghadapi cabaran globalisasi alaf baru.

Bercakap kepada pemberita di akhir kongres itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata ketiga-tiga isu itu adalah bagi memastikan Bumiputera maju ke depan.

"Ini penting seperti ditekankan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), tidak ada jalan pintas untuk mencapai kejayaan. Kita harus membina kekuatan dalaman Bumiputera dan ini perlu dibudayakan.

"Saya rasa golongan Bumiputera ini berikutan tekanan kegawatan ekonomi, mereka ingin mendapat sedikit jaminan daripada kerajaan supaya mendapat pembelaan," katanya.

Katanya, Bumiputera gembira kerana mendapat jaminan daripada Dr Mahathir dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin bahawa kerajaan akan membantu bagi memastikan Bumiputera mencapai tahap kejayaan yang boleh dibanggakan.

Beliau berkata, Bumiputera harus mempersiapkan diri bagi menghadapi era globalisasi dan sebab itu, tumpuan diberi kepada soal pendidikan dan keilmuan.

Ditanya apakah kongres kali ini akan menyarankan penubuhan agensi tertentu seperti kelahiran Bank Bumiputera (M) Bhd (BBMB) pada KEB yang pertama pada 1965 dan seterusnya melahirkan Majlis Amanah Rakyat (Mara), Mustapa berkata:

"Kita tidak harus melihat kepada penubuhan institusi. Kadang-kadang kita nak ukur kejayaan dengan beberapa banyak institusi ditubuhkan. Memang penting penubuhan seperti BBMB dan agensi lain termasuk Institut Teknologi Mara (ITM) dahulu.

"Tetapi dalam konteks alaf baru globalisasi ini, kita lebih menekankan tiga isu iaitu persiapan untuk menghadapi ilmu pengetahuan berasaskan ekonomi, menstruktur semula institusi dan agensi tertentu serta membina budaya yang sesuai bagi memastikan Bumiputera maju ke depan."

Mengenai resolusi yang dikeluarkan itu, beliau berkata masih banyak pertindihan tetapi ia akan diperhalusi lagi oleh sebuah jawatankuasa apabila mengadakan pertemuan awal bulan depan.

"Kita akan mencari jalan bagaimana ia (resolusi) itu dilaksanakan dan yang mana akan dikemukakan kepada kerajaan untuk dilaksanakan. Kita juga akan mencari jalan bagaimana perkongsian pintar antara kerajaan dengan Dewan boleh kita wujudkan," katanya.

Secara keseluruhannya, beliau berpuas hati terhadap kongres itu dari segi penyertaan, komitmen dan mutu perbahasan.

Katanya, sebagai Menteri Pembangunan Usahawan, beliau mendapat banyak input serta idea bernas berkaitan sistem francais, peruncitan dan agensi amanah termasuk mara.

"Input ini amat berguna dan penting untuk kita dalam usaha untuk memaju dan meningkatkan prestasi dalam beberapa bidang," katanya.

(END)